

IDAMAN PHARMA BETAMETHASONE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Idaman Pharma Betamethasone Cream
2. Bagaimana Idaman Pharma Betamethasone Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream
4. Cara menggunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream
5. Semasa menggunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Idaman Pharma Betamethasone Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Idaman Pharma Betamethasone Cream

Idaman Pharma Betamethasone Cream digunakan untuk masalah kulit seperti

- Ekzema
- Seboroik dermatitis
- Psoriasis
- Intertrigo (ruam di antara lipatan kulit)
- Alahan dan tindak balas akibat pendedahan terhadap sesuatu bahan
- Dermatitis dan keradangan kulit lain

Bagaimana Idaman Pharma Betamethasone Cream Berfungsi

Idaman Pharma Betamethasone Cream mengandungi Betamethasone Valerate yang tergolong dalam kumpulan ubat kortikosteroid topikal.

Idaman Pharma Betamethasone Cream mengurangkan keradangan kulit dan melegakan simptom kemerahan, bengkak dan kegatalan sesetengah masalah kulit.

Sebelum menggunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Idaman Pharma Betamethasone Cream tidak boleh digunakan jika anda mempunyai alahan terhadap Betamethasone Valerate atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini seperti yang tersenarai di bahagian bawah risalah ini.

Idaman Pharma Betamethasone Cream tidak disyorkan bagi merawat masalah kulit berikut:

- Jangkitan kulit disebabkan bakteria atau kulat
- Jerawat
- Kemerahan kulit yang teruk pada dan dikelilingi hidung (*rosacea*)

- Bintik ruam dikelilingi mulut (dermatitis perioral)
- Virus penyakit kulit, e.g. (*herpes simplex*)

Jika anda tidak pasti sama ada anda boleh menggunakan ubat ini, sila rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum menggunakan ubat ini

Maklumkan kepada doktor jika anda mempunyai

- Sebarang jangkitan atau ulser
- Kencing manis
- Tuberkulosis (jangkitan bakteria yang terutamanya memberi kesan kepada paru-paru)
- Lesi pada hati

Kehamilan dan Laktasi

Maklumkan kepada doktor jika anda hamil atau menyusukan anak, mungkin hamil atau merancang untuk hamil.

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati jika anda boleh menggunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream sewaktu anda hamil atau sedang menyusukan anak.

Steroid topikal tidak boleh digunakan secara berlebihan sewaktu kehamilan, Contohnya dalam jumlah yang banyak atau untuk tempoh yang berpanjangan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau dari sumber lain.

Cara menggunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream

Ikuti arahan doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Jika anda musykil dengan cara penggunaan ubat ini, rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak perlu digunakan

Doktor atau ahli farmasi akan mengesyorkan dos yang diperlukan setiap hari dan selama mana perlu digunakan.

Sapukan dengan nipis pada kulit yang terjejas, 2-3 kali sehari sehingga berlaku penambahbaikan atau seperti yang diarahkan. Gosok dengan perlahan pada kulit sehingga ubat tidak lagi kelihatan.

Jangan gunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream melebihi jumlah yang

telah ditetapkan kepada anda, Ia sangat penting untuk tidak menggunakan lebih daripada jumlah yang ditetapkan untuk kanak-kanak.

Kekerapan penggunaan akan berkurangan apabila kulit anda bertambah baik.

Jika anda menyapu krim ke atas orang lain, pastikan anda membasuh tangan selepas penyapuan tersebut atau gunakan sarung tangan pakai buang.

- Bila perlu digunakan

Ikuti arahan pada label dengan betul dan sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda

- Berapa lama perlu digunakan

Ikuti arahan yang diberi oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan gunakan pada kawasan yang luas di badan untuk jangka masa panjang seperti setiap hari selama beberapa minggu atau bulan kecuali atas nasihat doktor anda. Sekiranya masalah kulit anda tidak bertambah baik, sila dapatkan nasihat daripada doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa untuk menggunakan ubat ini, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Jika ianya sudah hampir waktu untuk penggunaan seterusnya, tunggu sahaja untuk penggunaan tersebut dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan gandakan dos bagi menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja menggunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream terlalu banyak, kesatlah lebih tersebut. Sekiranya anda tidak sengaja menelan ubat ini, dapatkan rawatan di Bahagian Kecemasan hospital berdekatan dengan anda.

Semasa menggunakan Idaman Pharma Betamethasone Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ubat ini hanya untuk kegunaan kulit sahaja
- Basuh tangan anda sebelum dan selepas menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Idaman Pharma Betamethasone Cream kepada orang lain walaupun mereka juga mempunyai gejala atau masalah yang sama seperti anda.

Jangan guna ubat ini untuk merawat masalah lain melainkan atas arahan doktor

IDAMAN PHARMA BETAMETHASONE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1% w/w)

atau ahli farmasi anda. Elakkan ubat ini daripada memasuki mata anda.

Jangan guna ubat ini di kawasan yang dirawat di bawah lampin atau balutan oklusif kecuali diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya berlaku iritasi, pemekaan atau tindak balas alahan, hentikan penggunaan ubat ini dan maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Idaman Pharma Betamethasone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan setelah menggunakan ubat ini.

Hentikan penggunaan Idaman Pharma Betamethasone Cream dan jumpa doktor anda dengan segera jika:

- Masalah kulit anda bertambah teruk
- Anda mengalami ruam atau kulit anda membengkak
- Jangkitan kulit telah merebak
- Pertumbuhan anak anda terbantut
- Anda mempunyai bonggol di belakang bahu anda (*Buffalo Hump*)
- Anda mengalami Penekanan kelenjar adrenal

Penggunaan Idaman Pharma Betamethasone Cream untuk tempoh yang lama boleh mengakibatkan kulit menjadi nipis terutamanya pada muka. Urat-urat akan kelihatan lebih jelas terutama sekali jika digunakan di bawah pembalut oklusif atau melibatkan lipatan kulit.

Apabila merawat di bawah pembalut oklusif, kulit harus sentiasa dibersihkan sebelum pembalut oklusif baru digunakan bagi mengelakkan jangkitan bakteria yang boleh berlaku dalam keadaan panas, lembap yang disebabkan oleh pembalut oklusif. Anti-infektif yang sesuai harus digunakan apabila terdapat jangkitan sekunder.

Penjagaan harus dilakukan dengan menggunakan ejen-ejen ini pada kanak-kanak terutamanya apabila merawat kawasan luas dengan balutan oklusif.

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai di atas juga boleh berlaku kepada pengguna lain. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda

mempunyai sebarang kemusykilan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Idaman Pharma Betamethasone Cream

- Penyimpanan

Simpan semua ubat-ubatan jauh dari penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang tertera di kotak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Pastikan tiub ditutup ketat. Jauhkan dari cahaya dan suhu sejuk beku.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau buangan isi rumah. Rujuk ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan. Langkah-langkah ini boleh membantu anda melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Berwarna putih sekata, lembut dan licin, dan bebas dari bendasing.

- Bahan Kandungan

- Bahan aktif:

Setiap gram Krim mengandungi Betamethasone Valerate bersamaan dengan 1mg Betamethasone

- Bahan tidak aktif:

- Cetostearyl Alcohol
- Liquid Paraffin
- Polyoxyl 40 Stearate
- Propylenen Glycol
- Deionised Water
- White Soft Paraffin

- Bahan pengawet

- Methyl Paraben
- Propyl Paraben

Nombor MAL:

MAL19860149AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan Bakar Arang Industrial Estate 08000 Sungai Petani Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP

27 Disember 2017

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)191217/00367